

Kemahiran Membaris dan Membaca Kitab Tafsir al-Quran al-Azim dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia

Rabiah Binti Abdul Rahman¹, Ros Mahwati Binti Ahmad Zakaria², Siti Nor Baya Binti Mat Yacob³,

Siti Norazhani Binti Mohd. Tohar⁴ & Khadijah Binti Muda⁵

Email: ¹rabiah@usim.edu.my, ²rosmahwati@ukm.edu.my, ³snorbaya@usim.edu.my,

⁴azhanitohar@usim.edu.my, ⁵khadijahnuda@usim.edu.my.

¹Guru Bahasa (Halaqah) Universiti Sains Islam Malaysia,

²Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia,

^{3,4&5}Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Kemahiran membaris dan membaca merupakan kemahiran yang penting dalam memahami suatu petikan khususnya memahami kitab *turath*. Kajian ini bertujuan mengkaji kemahiran membaris dan membaca kitab Tafsir al-Quran al-Azim dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, pemerhatian, dan soal selidik terhadap pelajar tahun ketiga Sarjana Muda Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Hasil kajian mendapatkan bahawa kemahiran membaris dan membaca dengan mengaplikasikan method yang betul amat signifikan dalam memahami teks tafsir al-Quran al-Azim. Kitab tafsir ini merupakan salah satu kitab-kitab tafsir yang diuraikan secara pertengahan iaitu syarahannya tidak terlalu ringkas dan tidak terlalu panjang.

Kata Kunci: *Kitab tafsir Al-Quran al-Azim, kemahiran membaris, kemahiran membaca, universiti.*

The Punctuating and Reading Skills in Tafseer al-Quran al-Azim among Students of Islamic Science University of Malaysia

Abstract

Punctuating and reading are two essential skills in order to understand a text, particularly *turath* text. This research is to examine punctuating and reading skills of the *Tafsir al-Qur'an al-Azim* among the Islamic Science University Malaysia's students. The method used in this study is qualitative approach such as document analysis, observation and survey onto third year undergraduate students from the Faculty of Qur'an and Sunnah Studies. The outcome of this study suggested that the skills of applying the correct punctuation and reading methods are highly significant to understand the *Tafsir of al-Quran al-Azim*. This *tafsir* is one of the *tafsir* texts which are written moderately, neither too short nor too long.

Keywords: *Tafsir al-Qur'an al-Azim, punctuating skill, reading skill, university.*

1. Pengenalan

Kitab tafsir al-Quran al-Azim merupakan kitab tafsir yang dikarang oleh Ismail bin Umar bin Kathir bin Dhau', beliau digelar Imaduddin dan Abu Fida'. Walau bagaimanapun, kitab ini lebih terkenal dengan nama kitab Tafsir Ibnu Kathir walaupun nama yang tercatat pada kitab ialah kitab al-Quran al-Azim. Kitab tafsir ini menjadi rujukan para ilmuan dan orang awam dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Menurut Kamus Dewan edisi keempat perkataan kemahiran bermaksud kecekapan dan kepandaian manakala perkataan membaris pula bererti mempunyai (dibubuh) baris (garis) dan ia merupakan tanda vokal dalam bahasa Arab seperti baris di atas *fathah*, baris di bawah *kasrah*, dan baris di hadapan ialah *dammah*. Manakala perkataan membaca ialah mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, papan tanda, dan sebagainya secara lisan.

2. Latar Belakang Penulis: Imam Ibn Kathir

Nama beliau adalah Ismail bin Umar bin Kathir bin Dhau bin Dar'in, dipanggil Abu Fida dan digelar dengan Imaduddin dan dikenali dengan sebutan al-Hafiz Ibnu Kathir. Dilahirkan pada tahun 700H di Mujadal, Syam. Pendidikan beliau lebih tertumpu kepada bidang fiqh, hadis dan ulumnya. Antara guru beliau dalam lapangan

ilmu ini ialah Ibn Syuhnah, Ishak al-Amidi, Qasim Ibn Asakir, Ibn Reda, Ibn Syirazi, Muhammad Ibn Zad, Ibn al-Suwaidi, al-Afsahani, al-Zahabi dan lain-lain lagi. Selain itu beliau juga berguru dengan al-Hafiz al-Mizi dan banyak mengambil manfaat ilmu daripadanya serta dikahwinkan dengan anak gadisnya. Beliau turut belajar daripada Ibnu Taimiyah dan atas kecintaan beliau kepada gurunya Ibnu Taimiyah beliau banyak menerima tohmahan. Beliau telah mendapat ijazah ilmu daripada Abu Musa al-Qurafi, Husaini dan Abu al-Fath ad-Dabusi dan Ali bin Umar ‘alwani dan lain-lain lagi daripada ulama’ Mesir. Ketinggian ilmu beliau menyebabkan beliau telah dilantik sebagai masyaikh Dar Hadis al-Asyrafiah, yang mana syarat pewakaf Dar Hadis al-Asyrafiah menghendaki masyaikh di Dar adalah daripada mereka yang berakidahkan Asyaari. Selain Tafsir Ibn Kathir, beliau juga banyak meninggalkan penulisan lain dalam bidang tauhid, fiqh, sirah dan lain-lain sehingga jumlahnya mencapai 28 karya. Beliau telah wafat pada 25 Syaaban pada hari Khamis tahun 774H dan telah dikebumikan di kubur “sufiah” di Damsyik (Abdullah Jalil 2013: 47).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan mengkaji beberapa bahan ilmiah termasuk satu bahan ilmiah utama, iaitu kitab Tafsir al-Quran al-Azim yang dikarang oleh Imam al-Hafiz Ibnu Kathir. Kitab ini dirujuk sebagai sumber utama memandangkan kitab ini sering menjadi rujukan utama dalam bidang tafsir al-Quran. Walau bagaimanapun, bahan ilmiah lain turut dikaji sebagai bahan sokongan.

4. Objektif Kajian

Sepuluh perkataan yang dikaji adalah perkataan *Yaumu, Wa Aljaza’, Al-Quran, Mubin, Ijaad, Qurubat, Syiddah, Jibril, Ansit dan Yazal*. Semua perkataan tersebut diambil daripada petikan teks tafsir Ibnu Kathir di dalam surah Taha ayat ke 113 dan 114. Pemilihan perkataan tersebut diambil berdasarkan modul yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Pengajian Halaqah di USIM. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kemampuan pelajar universiti meletakkan baris yang betul seterusnya mereka mampu menyatakan tempat ikrab yang tepat sebagaimana mengikut tatabahasa ilmu nahu di dalam bahasa Arab. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk menilai kemahiran membaca petikan teks di dalam bahasa Arab tanpa sebarang baris yang diletakkan. Kemahiran membaris dilihat daripada kemampuan pelajar meletakkan baris seperti baris atas, baris bawah, tanda mati (*sukun*), baris dihadapan, *sabdu* dan sebagainya. Sementara kemahiran membaca diukur dari kemahiran pelajar membaca perkataan bahasa Arab mengikut tatabahasa Arab yang betul.

5. Keputusan Kajian

Kajian ini melibatkan 15 pelajar sarjana muda Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia yang mendaftar kursus Pengajian Halaqah. Latar belakang akademik pelajar yang terlibat dengan kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

| Nama sekolah/institusi sebelum mendaftar di USIM | Sijil kelayakan sebelum mendaftar di USIM | Keputusan/gred Bahasa Arab SPM |
|--|--|---------------------------------------|
| 1. Madrasah al Junied al Islamiah Singapura | STAM | B |
| 2. Maahad Muhammadi Pasir Mas, Kelantan | STAM | B |
| 3. Kulliah Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang | STAM | C |
| 4. Maktab Mahmud Alor Star, Kedah | STAM | A |
| 5. Kulliah al-Lughah Wa- Addin Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang | STAM | C |
| 6. Maahad Johor | STAM | B |
| 7. Maahad Sultan Ahmad Syah ad- Dini, Pahang | STAM | B |
| 8. Sek. Men. Keb. Agama Sheikh Abdul Malik, Terengganu | STPM | B |
| 9. Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan | STAM | B |

| | | |
|--|----------------|----------|
| 10. Maahad Rahmaniah Kuala Krai, Kelantan | STAM | B |
| 11. Sek. Men. Agama Limawan, Sabah | STPM | C |
| 12. Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) | Diploma | C |
| 13. Maktab Mahmud Pendang, Kedah | STAM | A |
| 14. Maahad Johor | STAM | B |
| 15. Maahad Muhammadi Pasir Mas, Kelantan | STAM | B |

Jadual 1 menunjukkan latar belakang akademik pelajar iaitu sekolah atau institusi pengajian sebelum pelajar menyambung pengajian sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia, Sijil kelayakan sebelum pelajar mendaftar, dan gred keputusan Bahasa Arab di dalam peperiksaan Sijil Penilaian Malaysia (SPM) masing-masing.

Data menunjukkan seramai 4 orang pelajar bersekolah di negeri Kelantan, 3 orang pelajar bersekolah di negeri Pahang, 2 orang pelajar bersekolah di negeri Kedah, 2 orang pelajar merupakan lepasan Maahad Johor yang terletak di negeri Johor, dan masing – masing seorang pelajar mewakili Singapura, Terengganu, Selangor, dan Sabah negeri di bawah bayu.

Di samping itu, seramai 12 pelajar mendaftar di USIM dengan menggunakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), manakala 2 pelajar menggunakan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) dan selebihnya menggunakan Diploma. Data juga menunjukkan terdapat 2 pelajar yang memperoleh gred A bagi mata pelajaran Bahasa Arab di peringkat SPM, manakala 9 pelajar mendapat gred B dan selebihnya mendapat gred C.


Jadual 2: Keputusan Ujian Pra Kemahiran Membaris dan Membaca

| Bil. | Perkataan yang ditarikhkan | Bilangan yang betul | Bilangan yang salah |
|-------------|-----------------------------------|----------------------------|----------------------------|
| 1. | <i>Yaumu</i> | 15 | 0 |
| 2. | <i>Wa aljaza'</i> | 4 | 9 |
| 3. | <i>Al-Quran</i> | 12 | 3 |
| 4. | <i>Mubin</i> | 5 | 10 |
| 5. | <i>Ijaad</i> | 15 | 0 |
| 6. | <i>Qurubat</i> | 8 | 7 |
| 7. | <i>Syiddah</i> | 1 | 14 |
| 8. | <i>Jibril</i> | 9 | 6 |
| 9. | <i>Ansit</i> | 5 | 10 |
| 10. | <i>Yazal.</i> | 6 | 9 |

Jadual 2 menunjukkan Ujian Pra kemahiran membaris dan membaca yang telah dijalankan. Terdapat 10 perkataan yang telah dipilih di dalam kitab Tafsir Ibnu Kathir iaitu mengenai huraiannya di dalam surah Taha ayat ke 113 dan 114. Perkataan yang dipilih ialah *Yaumu*, *Wa Aljaza'*, *Al-Quran*, *Mubin*, *Ijaad*, *Qurubat*, *Syiddah*, *Jibril*, *Ansit* dan *Yazal*. Perkataan *Yaumu* telah berjaya ditarikhkan dengan betul dan tepat oleh semua pelajar, manakala perkataan *Wa aljaza'* hanya 4 orang pelajar berjaya meletakkan baris yang betul dan selebihnya tidak berjaya meletakkan baris dengan betul dan tepat. Bagi perkataan *al-Quran* pula, seramai 12 orang pelajar berjaya membaris dan membaca dengan betul, manakala 3 orang pelajar meletakkan tanda baris dengan salah. Seramai 10 orang pelajar yang tidak mampu memberikan tanda baris yang betul bagi perkataan *Mubin* dan hanya 5 pelajar sahaja yang memberikan tanda baris yang betul. Sementara perkataan *Ijaad* pula, semua pelajar mampu meletakkan tanda baris yang betul.

Perkataan *Qurubat* memperlihatkan 8 pelajar yang memberikan tanda baris yang betul manakala 7 pelajar tidak berjaya memberikan tanda baris yang betul. Manakala perkataan *Syiddah* berjaya mengelirukan pelajar kerana seramai 14 orang pelajar telah salah dalam meletakkan tanda baris. Perkataan *Jibril* pula menzahirkan 9 pelajar yang berjaya meletakkan tanda dengan betul dan 6 pelajar tidak meletakkan tanda dengan betul. Sementara perkataan *Ansit* terdapat hanya 5 orang pelajar yang meletakkan baris dengan betul, manakala 10 pelajar tidak berjaya meletakkan tanda baris dengan betul. Perkataan terakhir adalah *Yazal*,

hanya 6 pelajar sahaja yang meletakkan baris dengan betul, seramai 9 pelajar tidak berjaya memberikan tanda baris yang dikehendaki.



Carta pai di atas menunjukkan peratusan bilangan perkataan yang betul yang telah diletakkan tanda baris oleh para pelajar bagi ujian pra.

Mengikut carta pai di atas, sebanyak 20% yang mewakili perkataan *Yaumu* yang membawa maksud semua pelajar mampu meletakkan tanda baris yang betul dan mereka mengetahui tempat *i’rab* bagi perkataan *Yaumu* adalah *isim kana*, manakala hanya 1% yang mewakili perkataan *Syiddah* yang bererti hanya seorang pelajar sahaja yang meletakkan baris dengan betul. Ini membawa maksud hanya seorang pelajar sahaja yang mengetahui tempat *i’rab* bagi perkataan *Syiddah* iaitu *hal*.



Carta pai di atas menunjukkan peratusan bilangan perkataan yang salah yang telah ditarikhkan oleh para pelajar bagi ujian pra.

Data menunjukkan sebanyak 21% mewakili perkataan *Syiddah* yang membawa erti kebanyakan


pelajar tidak mampu meletakkan baris yang betul pada perkataan ini. Hal ini adalah kerana kelemahan pelajar dalam mengenal pasti tempat *i'rab* iaitu *hal*. Manakala hanya 4% yang mewakili perkataan *Al-Quran* yang bererti 3 pelajar meletakkan baris dengan salah. Sementara semua pelajar mampu meletakkan tanda baris yang betul bagi perkataan *Yaumu* dan *Ijaad* dengan peratusan 0%.

Jadual 3: Keputusan Ujian Pos Kemahiran Membaris dan Membaca

| Bil. | Perkataan yang ditarik | Bilangan yang betul | Bilangan yang salah |
|------|------------------------|---------------------|---------------------|
| 1. | <i>Yaumu</i> | 8 | 7 |
| 2. | <i>Wa aljaza'</i> | 10 | 5 |
| 3. | <i>Al-Quran</i> | 13 | 2 |
| 4. | <i>Mubin</i> | 9 | 5 |
| 5. | <i>Ijaad</i> | 15 | 0 |
| 6. | <i>Qurubat</i> | 12 | 3 |
| 7. | <i>Syiddah</i> | 1 | 14 |
| 8. | <i>Jibril</i> | 10 | 5 |
| 9. | <i>Ansit</i> | 7 | 8 |
| 10. | <i>Yazal.</i> | 10 | 5 |

Jadual 3 menunjukkan Ujian Pos kemahiran membaris dan membaca yang telah dijalankan. Terdapat peningkatan dalam kemahiran membaris dan membaca setelah para pelajar mempelajari kursus Pengajian Halaqah. Data menunjukkan peningkatan bilangan perkataan yang betul berbanding perkataan yang salah. Perkataan *Wa aljaza'* berjaya ditarik dengan betul oleh 10 pelajar, hanya 5 pelajar sahaja yang tidak berjaya meletakkan baris dengan betul. Bagi perkataan *al-Quran* pula, seramai 13 orang pelajar berjaya membaris dan membaca dengan betul, manakala hanya 3 orang pelajar sahaja meletakkan tanda baris dengan salah. Sementara perkataan *Mubin* seramai 9 orang pelajar yang memberikan tanda baris yang betul dan bilangan pelajar yang tidak mampu memberikan tanda baris yang betul hanya 5 pelajar sahaja.

Bagi perkataan *Qurubat* pula seramai 12 orang pelajar memberikan tanda baris yang betul manakala 5 pelajar tidak berjaya memberikan tanda baris yang betul. Manakala perkataan *Syiddah* hanya seorang pelajar mampu meletakkan baris dengan betul dan keputusannya adalah sama seperti ujian pra. Perkataan *Jibril* memperlihatkan 10 orang pelajar yang berjaya meletakkan tanda dengan betul dan 5 pelajar tidak meletakkan tanda dengan betul. Terdapat sedikit peningkatan bagi perkataan tersebut. Sementara seramai 10 pelajar mampu meletakkan baris dengan betul, dan 5 pelajar tidak berjaya memberikan tanda baris yang dikehendaki bagi perkataan *Yazal*. Terdapat peningkatan bagi perkataan *Yazal* iaitu pertambahan seramai 4 orang pelajar yang menjawab dengan betul iaitu 10 pelajar berbanding keputusan semasa ujian pra dilakukan hanya 6 orang pelajar. Namun, bagi perkataan *yaumu*, keputusan menunjukkan bilangan pelajar yang mampu menjawab dengan betul lebih rendah berbanding ujian pra iaitu hanya 8 orang pelajar berjaya menjawab dengan betul berbanding hasil ujian pra iaitu seramai 15 orang pelajar berjaya meletakkan baris dengan betul. Ini kerana kemungkinan pelajar mengalami kekeliruan dalam meletakkan baris yang betul dan tepat bagi perkataan *yaumu*, berikutan perkataan *yaumu* terletak selepas perkataan *kana* yang mana membawa *i'rab isim kana* yang akan memberi baris dhammad iaitu *yaumu*, tetapi pelajar menyangka bahawa *i'rab isim kana* adalah *fathah* yang menyebabkan mereka tidak dapat menjawab dengan betul.




Carta pai di atas menunjukkan peratusan bilangan perkataan yang betul yang telah diletakkan tanda baris oleh para pelajar bagi ujian pos.

Mengikut carta pai di atas, sebanyak 16% yang mewakili perkataan *Ijaad* yang bermaksud semua pelajar mampu meletakkan tanda baris yang betul, manakala hanya 1% mewakili perkataan *Syiddah* yang bererti kebanyakan tidak mampu meletakkan baris dengan betul.



Carta pai di atas menunjukkan peratusan bilangan perkataan yang salah yang telah ditarik oleh para pelajar bagi ujian pos.

Data di atas menunjukkan sebanyak 26% mewakili perkataan *Syiddah*. Perkataan kedua yang kurang berjaya dijawab oleh pelajar ialah perkataan *Ansit* iaitu mewakili 15%. Manakala perkataan *Yazal*, *Mubin*, *Jibril*, *Wa aljaza'* masing-masing mewakili 9%. Perkataan *Ijaad* berjaya dijawab dengan betul oleh semua pelajar samada di ujian pra mahupun ujian pos.



Data di atas menunjukkan perbandingan di antara keputusan ujian pra dan ujian pos bilangan perkataan yang betul yang telah dijawab oleh pelajar. Secara keseluruhannya, terdapat 8 daripada 10 perkataan telah berjaya di jawab dan diletakkan tanda baris yang mana perkataannya dipetik daripada petikan teks kitab tafsir Ibnu Kathir. Terdapat peningkatan dalam ujian pos berbanding semasa ujian pra dijalankan.

6. Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil ujian pra menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar kurang mengusai kemahiran membaris dan membaca kitab tafsir Ibnu Kathir. Ini ditunjukkan pada peratusan yang lebih rendah dan bilangan perkataan yang salah lebih banyak berbanding perkataan yang betul. Manakala hasil ujian pos menyatakan bahawa kemampuan membaris dan membaca kitab tafsir Ibnu Kathir di kalangan pelajar meningkat secara mendadak. Ini juga ditunjukkan pada peratusan yang lebih tinggi dan berlaku peningkatan bilangan perkataan yang betul. Peningkatan kemahiran ini adalah berpunca daripada pendedahan pelajar di dalam kelas Pengajian Halaqah serta interaksi dengan pensyarah dan tenaga pengajar. Pengalaman kajian ini menunjukkan kemahiran membaris dan membaca kitab tafsir Ibnu Kathir memerlukan penguasaan bahasa Arab yang mantap dan menyeluruh khususnya penguasaan dalam ilmu *nahu* dan *sorof*.

RUJUKAN

Al-Quran

Ismail bin Umar bin Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Lubnan: Dar Ihya' Turath Arabi.

Abdullah Jalil dll. (2015). *Nusus Turathiah : Dirasah Manhajiah*. Nilai: Bahagian Penerbitan. Universiti Sains Islam Malaysia.

Abdullah Jalil. (2013). *Modul Pengajian Halaqah Program Pensiwazahan Guru*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hajah Noresah binti Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.